

20 APR 1996

Mahathir-Macedonia

MALAYSIA MINAT ADAKAN HUBUNGAN UDARA TERUS DENGAN MACEDONIA

Oleh: Mokhtar Hussain

SKOPJE, 20 April (Bernama) -- Malaysia bercadang mengadakan hubungan udara terus dengan Macedonia bagi memupuk hubungan dagang yang lebih baik dengan negara yang baru merdeka ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hubungan udara terus adalah juga penting antara Asia Tenggara dan rantau Balkan.

"Masalah pengangkutan, khususnya pengangkutan udara, tidak boleh dinafikan telah menyekat pertumbuhan sihat perdagangan langsung dan juga industri pelancongan," katanya pada jamuan rasmi yang diberi Presiden Macedonia, Branko Crvenkovski di sini malam ini.

Beliau sukacita kerjasama sudah diwujudkan antara syarikat penerbangan kebangsaan kedua-dua negara, yang boleh dipertingkatkan lagi secara rasmi dengan termeterainya perkhidmatan udara antara kedua-dua negara tidak lama lagi.

Malaysia adalah di antara negara pertama di rantau Asia-Pacific yang mengiktiraf Macedonia pada 1992 berikutan kemunculannya sebagai sebuah negara bebas dan merdeka.

Bekas negara Republik Yugoslavia seluas 25,713 km persegi ini, dikepung pada semua penjuru -- di utara oleh Serbia, di timur oleh Bulgaria, di selatan oleh Greece dan di barat oleh Albania. Ia mempunyai penduduk sebanyak 2.075 juta orang.

Dr Mahathir berkata pada masa ini, interaksi antara Malaysia dan Macedonia adalah terlalu minimum.

"Ini disebabkan kurangnya hubungan sejarah dan tradisional antara Malaysia dan Macedonia."

"Ramai rakyat Malaysia tidak mengetahui langsung mengenai Macedonia di samping tidak menyedari peluang-peluang yang terbuka bagi kerjasama dan pelaburan yang ditawarkan negara saudara," katanya.

Begitu juga dengan rakyat Macedonia yang tidak sedar tentang banyaknya faedah dan peluang perniagaan yang menunggu mereka di Malaysia, tambahnya.

Perdana Menteri berkata kerajaan telah mengambil sikap menggalakkan perniagaan, dan "kemesraan di bidang perniagaan sudah menjadi sebahagian daripada budaya kebangsaan."

Dr Mahathir menggesa sektor swasta kedua-dua negara supaya meneroka bidang-bidang baru berpotensi yang belum dipelopori bagi mewujudkan kerjasama terutamanya di bidang perdagangan, pelancongan dan pelaburan, sama ada antara kedua-dua negara atau dengan negara ketiga.

Beliau berharap pemulihan damai dan kembalinya Bosnia-Herzegovina seperti sediakala akan mewujudkan suasana yang memaparkan kestabilan serantau keseluruhannya yang amat penting bagi pembangunan dan pertumbuhan ekonomi.

Terdahulu Dr Mahathir tiba di sini dari Sarajevo untuk lawatan terakhirnya ke tiga negara Balkan yang bermula di Zagreb. Beliau berlepas ke Malta esok. -- Bernama

MOK ZAB